

Lelaki mengaku salah sepak kereta jiran sehingga kemik

KUCHING: Seorang lelaki didenda RM3,500 atau enam bulan penjara di Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku bersalah menyepak kereta jirannya sehingga kemik dan menimbulkan kerugian RM1,200.

Robert Kadut, 55, membuat pengakuan itu di hadapan Majistret Ling Hui Chuan sebaik didakwa mengikut Seksyen 427 Kanun Keseksamaan yang memperuntukkan hukuman penjara minimum setahun dan maksimum lima tahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika

sabit kesalahan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu pada 10 April 2025 sekitar jam 1.40 pagi di hadapan rumah pengadu wanita berusia 35 tahun yang terletak di Taman Malihah, Jalan Matang di sini.

Fakta kes mendedahkan pengadu terdengar jiran sebelah rumah (tertuduh) membuat bising dengan menjerit dan susulan itu, pengadu membuka pintu rumah dan melihat tertuduh menyepak kereta kompak miliknya.

Akibat kejadian itu, kereta pengadu mengalami kemik di

bahagian bonet dan pintu penumpang bahagian kanan.

Pengadu tidak mengetahui punca tertuduh berbuat demikian. Laporan polis dibuat dan tertuduh ditangkap pada hari sama sekitar jam 11 malam.

Difahamkan, semasa kejadian berlaku, pengadu tidak berani untuk menegur perbuatan tertuduh susulan tertuduh disyaki berada di bawah pengaruh alkohol.

Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa Inspektor Nur Shafiqah Nyaie Ilin sementara tertuduh tidak diwakili peguam.